

LATIHAN PENGUKUHAN MENCERKIN AYAT (Memisahkan ayat)

Cerakinkan setiap ayat majmuk di bawah kepada dua ayat tunggal tanpa mengubah maksud asalnya. Sila tulis jawapan anda dengan font berwarna BIRU.

Tips:

Kenal pasti dan tuliskan kata hubung dalam ruang yang disediakan dan kemudian pisahkan ayat majmuk tersebut kepada dua ayat tunggal

Contoh 1.

Tauke Lim menternak ayam daging dan ayam telur.

Kata Hubung : dan

- (i) Tauke Lim menternak ayam daging
- (ii) Tauke Lim menternak ayam telur

Contoh 2:

Ibu bapa Alia telah bercerai sejak tiga tahun yang lalu.

Kata Hubung : sejak

- (i) Ibu bapa Alia telah bercerai.
- (ii) Ibu bapa Alia bererai tiga tahun yang lalu.

1. Ayah mencuci kereta di halaman rumah manakala ibu memasak rendang di dapur.

Kata Hubung :

Ayat 1:

Ayat 2:

2. Salina yang menderita penyakit kanser tahap empat telah meninggal dunia di Hospital Sungai Buloh petang semalam.

Kata Hubung :

Ayat 1:

Ayat 2:

3. Pekerja-pekerja asing menjadi pilihan banyak majikan di negara ini kerana mereka sanggup menerima upah lebih rendah.

Kata Hubung :

Ayat 1:

Ayat 2:

6. Adakah Encik Amran hendak ke Muzium Negara atau ke Putrajaya.

Kata Hubung :

Ayat 1:

Ayat 2:

7. Pendebat itu petah berhujah dan bijak mematahkan hujah lawan.

Kata Hubung :

Ayat 1:

Ayat 2:

8. Siswazah yang berpandangan jauh tidak mengharapkan kerja makan gaji sahaja.

Kata Hubung :

Ayat 1:

Ayat 2:

9. Semua anggota masyarakat hendaklah saling menghormati agar kehidupan rakyat di negara ini bertambah harmoni.

Kata Hubung :

Ayat 1:

Ayat 2:

10. Walaupun jadual kerja pemimpin besar itu padat, beliau masih dapat meluangkan masanya untuk bertemu dengan penduduk setempat.

Kata Hubung :

Ayat 1:

Ayat 2: